

AXCEL EVILINE TABLET

Magnesium Hydroxide/ Aluminium Hydroxide/ Simethicone (200mg/ 200mg/ 20mg)

Apalah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Axcel Eviline Tablet
2. Bagaimana Axcel Eviline Tablet berfungsi
3. Sebelum menggunakan Axcel Eviline Tablet
4. Cara menggunakan Axcel Eviline Tablet
5. Semasa menggunakan Axcel Eviline Tablet
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Axcel Eviline Tablet
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP.

Apakah kegunaan Axcel Eviline Tablet

Axcel Eviline Tablet merupakan anti-asid/pengeluar gas dari saluran pencernaan untuk merawat:

- Ulser perut.
- Gangguan pada pencernaan atau asal organik.
- Pedih ulu hati dalam *hiatus hernia* atau kehamilan.
- Perut kembung.
- Gastritis esofagistis (keradangan lapisan esofagus).
- Situasi lain di mana hiperkeasidan atau kembung mungkin berlaku.

Bagaimana Axcel Eviline Tablet berfungsi

Axcel Eviline Tablet adalah anti-asid berfungsi untuk mengelakkan dan melegakan kesakitan dalam kawalan simptomatik gastrik dan ulser duodenum dan refluks gastrointestinal dengan meneutralkan asid hidroklorik dalam rembesan gastrik.

Sebelum menggunakan Axcel Eviline Tablet

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan ambil Axcel Eviline Tablet jika:

- Ubat ini bukan dipreskripsikan oleh doctor atau ahli farmasi yang bertauliah kepada anda.

- Anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung.
- Anda sedang menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

- Sebelum menggunakan Axcel Eviline Tablet

Maklumkan kepada doktor anda jika:

- Anda alah pada ubat-ubatan, makanan dan pewarna.
- Anda mengambil ubatan lain (termasuk yang tidak dipreskripsikan oleh doktor anda).
- Anda menghadapi hipofosfatemia (tahap fosfat yang rendah dalam darah) dan kerosakan fungsi buah pinggang.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Anda perlu memberitahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil ubat-ubatan, terutamanya:

- Tetracycline dan vitamins.

Ia mungkin masih selamat bagi anda untuk mengambil Axcel Eviline Tablet dan doktor akan menentukan apa yang sesuai untuk anda.

Cara menggunakan Axcel Eviline Tablet

- Berapa banyak harus digunakan

1-2 tablet dikunyah atau dihisap 3 kali sehari atau jika diperlukan, lebih bagus diambil selepas makan.

- Bila perlu digunakan

Doktor anda akan menentukan sekiranya anda perlu mengambil Axcel Eviline Tablet mengikut keadaan anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang disarankan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu

dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terguna dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Axcel Eviline Tablets

- Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.
- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Axcel Eviline Tablet.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda disahkan hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.
- Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berkongsi Axcel Eviline Tablets dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

- Elakkan penggunaan berterusan dengan dos yang tinggi.

AXCEL EVILINE TABLET

Magnesium Hydroxide/ Aluminium Hydroxide/ Simethicone (200mg/ 200mg/ 20mg)

- Elakkan pengambilan ketika trimester pertama mengandung.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, Axcil Eviline Tablet boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun bukan semua orang mendapatnya. Anda adalah dinasihatkan untuk berjumpa dengan doktor/ahli farmasi untuk maklumat lanjut. Kesan-kesan sampingan berikut telah dilaporkan:

- Bagi kerosakan buah pinggang, pengambilan aluminium hidroksida boleh meningkatkan kepekatan aluminium dalam plasma.
- Tahap fosfat yang rendah dalam darah dan air kencing.
- Sindrom kekurangan fosfat.
- Tahap kalsium yang tinggi dalam darah.
- Tahap magnesium yang rendah dalam darah.
- Rasa loya, muntah-muntah dan sembelit.
- Halangan usus dan najis keras.
- Kesan katarsis (mempercepatkan pembuangan air besar).
- Kemerosotan saraf, saraf otot dan kardiovaskular dan juga kematian pesakit yang menghadapi kerosakan buah pinggang.
- Pengakalian air kencing mengurangkan perkumuhan pelbagai ubat lemah alkali eg. Quinidine.
- Magnesium Hidroksida meningkatkan penyerapan warfarin.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui Tel: 03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my (Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety).

Cara penyimpanan dan pelupusan Axcil Eviline Tablet

- Penyimpanan

Jauhkan Axcil Eviline Tablet dari jangkauan kanak-kanak.

Simpan pada suhu bawah 30°C. Pastikan bekas tertutup rapat dan lindungi daripada cahaya.

- Pelupusan

Jangan guna Axcil Eviline Tablet yang melebihi tarikh luput yang dicetak pada kotak.

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Axcil Eviline Tablet adalah tablet berwarna putih, rata, berbentuk bulat, berdiameter 12.9mm, dan ditandakan dengan logo KOTRA pada satu permukaan.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan Aktif:

Magnesium Hydroxide, Aluminium Hydroxide dan Simethicone.

- Bahan Tidak Aktif:

PVP K90, Corn Starch, Magnesium Stearate, Purified water, Saccharin Sodium, Peppermint Oil, Lactose, Icing Sugar, Methylparaben dan Mannitol.

- Nombor MAL

MAL19911458X

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Kotra Pharma (M) Sdn Bhd
No. 1, 2 & 3, Jalan TTC 12,
Cheng Industrial Estate,
75250 Melaka, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

21/02/2018

Nombor siri

NPRA(R4/1)221217/00372